

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Ahad, 13 Disember 2015

M/S : 26

26  NASIONAL

Profesor UPM pertahan kewujudan Hang Tuah

» Hasil data primer, sekunder nafi dakwaan laksamana hanya watak fiksiyen

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Profesor Emeritus Dr Hashim Musa memper-tahankan hasil penye-lidikan mengesahkan kewujudan Laksamana Hang Tuah yang hidup ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Beliau yang juga Profesor Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), menegaskan pendirian itu bersandarkan data primer dan sekunder yang berjaya diperoleh.

Katanya, data primer Kerajaan Ryukyu di Jepun (kini Okinawa) iaitu dokumen rasmi Rekidai Hoan menyebut surat ditulis laksamana bagi pihak Sultan Melaka ketika itu, Sultan Alauddin Riayat Shah, selain catatan pengembaraan Alfonso de Albuquerque yang juga menyebut mengenai seseorang

yang dirujuknya sebagai laksamana.


Penegasan itu dibuat Hashim sebagai mengulas kenyataan Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Emeritus Dr Ahmat Adam, yang mendakwa Hang Tuah tidak wujud, sebaliknya hanyalah watak fiksiyen kesusasteraan Melayu.

Data primer, sekunder

Kelmarin, Ahmat dalam Seminar Sejarah anjuran Jabatan Sejarah UM juga menyebut kegagalan penyelidikan membaca tulisan jawi, menyebabkan munculnya perkataan tuah, sedangkan huruf jawi ta, wau, ha, yang tertulis dalam kebanyakan manuskrip Melayu lama membawa maksud tuha atau toh.

"Itu pendapat beliau. Kami berpegang kepada data primer, selain sekunder, yang diambil daripada teks Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat al Nafis yang menyaksikan nama Hang Tuah disebut sekali gus menolak dakwaan Ahmat sebelum ini yang mendakwa nama Hang Tuah hanya disebut pada hujung abad ke-17 dalam Hikayat Aceh.

"Catatan pada tahun 1480 dan 1481, menyebut mengenai laksamana yang berada di Ryukyu bersamaan dengan masa Hang Tuah berkhidmat dengan Sultan Alauddin Riayat



Hashim menunjukkan **buku Hang Tuah** pada Majlis Anugerah Buku Negara 2015. [FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/ BH]

Syah yang menaiki takhta ketika masih kanak-kanak sama seperti disebut dalam teks Sejarah Melayu.

Wujud sejak 200 tahun

"Oleh itu laksamana yang disebut dalam dokumen Ryukyu itu tidak lain daripada Hang Tuah," tegasnya sambil menambah, perkataan tuah juga sudah wujud dalam bahasa Melayu sejak 2000 tahun lalu iaitu dalam bahasa Maori, satu daripada rumpun Melayu Polinesia yang mana merekodkan perkataan tua, tuha dan tuah.

Mengulas dakwaan kegagalan penyelidikan membaca

tulisan jawi, Hashim berkata, naskhah Hikayat Hang Tuah oleh Tun Kola, yang masih belum dirumikan dan disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Hang Tuah dieja dengan huruf Jawi iaitu ta, wau, ha, yang boleh dilafazkan sebagai tuha atau tuah, sekali gus tidak timbul persoalan kegagalan membaca tulisan jawi dengan betul.

"Pegangan kami, laksamana seperti yang tercatat dalam data dari Ryukyu dan juga catatan Alfonso de Albuquerque merujuk kepada Laksamana Hang Tuah seperti juga disimpulkan pengkaji Jepun," katanya.

